

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB DR ONG KIAN MING (BANGI)**

**TARIKH : 4 OKTOBER 2021 (ISNIN)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh pemerintah untuk membantu pihak gim dan penganjur acara luar yang perniagaannya telah terjejas oleh pelbagai PKP.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Belia dan Sukan (KBS) telah mengumumkan tujuh (7) Inisiatif Prihatin Belia dan Sukan (IPBS) yang memfokuskan kepada agenda bantuan kepada penggiat industri sukan dan rekreasi sebagai usaha tuntas untuk meringankan beban penggiat industri sukan dan rekreasi yang terkesan akibat pandemik COVID-19 ini.

Antara inisiatif tersebut ialah:

- (i) Geran Prihatin Industri Sukan (GPIS) menerusi bantuan *one-off* sebanyak RM3,000.00 kepada pengusaha dan operator industri sukan dan rekreasi tertakluk kepada syarat dan kriteria yang ditetapkan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF).

## NO. SOALAN : 45

- (ii) pembiayaan mudah menerusi pelaksanaan Skim Pembiayaan Industri Sukan (SPIS). Skim ini merupakan kerjasama antara KBS bersama MEDAC melalui agensi di bawahnya iaitu TEKUN Nasional dan Bank Rakyat. Pemilihan kedua-dua institusi pinjaman ini dilihat mempunyai keupayaan dalam mengurus pembiayaan terbaik kepada kumpulan sasar. Dana yang diperuntukkan adalah berbentuk pembiayaan mudah berdasarkan syarat-syarat permohonan TEKUN Nasional dan bank Rakyat yang perlu dibayar semula oleh peminjam dalam satu tempoh yang dipersetujui;
- (iii) Program MYVAC @*Sports Industry*. KBS menawarkan dan memberi keutamaan pengambilan sukarelawan MYVAC kepada para pekerja industri sukan rekreasi yang terkesan pendapatan akibat pandemik. Para sukarelawan MYVAC@*Sports Industry* menikmati kadar bayaran elaun sebanyak RM100.00 sehari dengan anggaran masa bertugas selama 14 jam sehari. Sehingga 25 Ogos 2021, KBS telah menerima sebanyak 439 permohonan. Dari jumlah tersebut, seramai 192 orang telah ditugaskan manakala sebanyak 204 permohonan lagi sedang diproses untuk semakan taraf kesihatan sebelum dibenarkan bertugas; dan
- (iv) KBS juga sentiasa membawa cadangan pembukaan sektor sukan dan rekreasi terutamanya bagi individu lengkap vaksin termasuklah pengoperasian fasiliti sukan dan rekreasi tertutup (*indoor*) serta penganjuran kejohanan/ pertandingan/ acara sukan massa seperti triathlon, duathlon, *open water swimming*, *obstacle run* dan seumpamanya. Walau bagaimanapun, pertimbangan adalah tertakluk kepada pertimbangan Sidang Khas Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Sekian, terima kasih.